



SUMBANGAN ILMUWAN ISLAM DALAM PERUBATAN NABI (AL-TIBB AL-NABAWIYY)⁵

Nurazmallail bin Marni⁶

Abstrak

Perubatan tradisional Islam yang dikenali sebagai perubatan Nabi (*al-Tibb al-Nabawiyy*) adalah sebahagian daripada khazanah kecemerlangan tamadun Islam dan sumbangannya kepada dunia. Usaha gigih ilmuwan Islam dalam mengembangkan perbahasan mengenai perubatan Nabi adalah kesinambungan daripada usaha muhaddithin yang lebih tertumpu kepada mewujudkan kompilasi hadis-hadis berkaitan dengan perubatan. Artikel ini membincangkan tentang sumbangan ilmuwan Islam yang mengarang kitab khusus berkaitan perubatan Nabi yang berlangsung dalam tempoh yang panjang dan saling berkesinambungan. Metodologi kajian ini berasaskan kajian terhadap bahan-bahan ilmiah khususnya buku dan kajian-kajian yang berkaitan dengan kitab-kitab yang menggunakan judul *al-Tibb al-Nabawiyy* secara khusus. Fenomena ini merupakan usaha ilmuwan Islam untuk mengembalikan umat Islam merujuk dan berpegang dengan panduan Nabi Muhammad SAW dalam aspek kesihatan dan rawatan penyakit. Diharapkan penulisan ini dapat menonjolkan kecemerlangan tamadun Islam dan sumbangan para pengarang kitab *al-Tibb al-Nabawiyy* dalam memperkenalkan masyarakat dunia kepada perubatan Nabi yang merupakan warisan penting bagi umat Islam dalam mencapai kesihatan dan kesejahteraan dengan berpandukan hadis Nabi SAW dan ilmu hikmah para ilmuwan.

Kata kunci: perubatan Nabi (*al-tibb al-nabawiyy*), ilmuwan Islam, kitab *al-Tibb al-Nabawiyy*, sumbangan.

Pengenalan

Antara langkah awal yang dilakukan dalam membangunkan disiplin ilmu perubatan Nabi ialah usaha ulama hadis yang dikenali sebagai muhaddithin. Namun, usaha mereka lebih tertumpu kepada mewujudkan kompilasi hadis-hadis berkaitan dengan perubatan dan dimuatkan dalam kitab-kitab hadis yang ringkasnya dikenali sebagai *kitab al-Sunan* manakala para pengarangnya pula dikenali sebagai Ashab al-Sunan. Kelompok ini dipelopori oleh imam-imam besar dalam ilmu hadis seperti Imam al-Bukhari (m. 256 H/870 M) dalam kitabnya *al-Jāmi‘ al-Sahib*, Imam Muslim (m. 261 H/875 M) pengarang kitab *Sahih Muslim*, Imam Abu Daud (m. 275 H/889 M) dalam kitabnya *Sunan Abi Daud*, Imam al-Tirmizi (m. 279 H/892 M) dalam *Jāmi‘ al-Tirmidhi*, dan Imam Ibn Majah (m. 273 H/887 M) dalam kitabnya *Sunan Ibn Mājah*.

Artikel ini membincangkan tentang sumbangan ilmuwan Islam yang mengarang kitab khusus berkaitan perubatan Nabi yang berlangsung dalam tempoh yang panjang dan saling berkesinambungan. Perkembangan di peringkat ini menyaksikan penulisan berkenaan perubatan Nabi dilakukan secara lebih sistematik (Browne, 1983: 13) dan tertumpu kepada

5 Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilization, Sains & Teknologi dalam Konsep dan Aplikasi (ELCIST 2014). Seminar diadakan pada 26 November 2014 di Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor dan dianjurkan oleh Fakulti Tamadun Islam, UTM, Johor, UIN Maliki Malang, Indonesia, IAIN Jambi, Indonesia, dan UIN Yogyakarta.

6 Ph.D (nurazmal@utm.my/nurazmal@gmail.com), Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor. 07-55357644 (samb. 57644) 07-55357621 (faks) +6 019 7353281 (h/p)

penulisan koleksi hadis yang berkaitan dengan perubatan. Karya-karya tersebut yang dikenali sebagai *al-Tibb al-Nabawi (Prophetic Medicine)*⁷ mulai dihasilkan sekitar awal abad ketiga Hijrah mendapat perhatian para ilmuwan hingga abad ke-11 Hijrah.

Menurut Early (2004), pada kurun ke-20 Masihi (abad ke-13 Hijrah), perubatan Nabi terbahagi kepada dua bentuk penulisan. Pertamanya, penulisan popular yang mencampur-adukkan hadis Nabi s.a.w dengan kata-kata hukama termasuk prinsip keseimbangan humor dan fungsi-fungsi tubuh dalam keadaan normal. Bentuk kedua ialah pelaksanaan perubatan secara formal yang disokong beberapa kumpulan antaranya Islamic Medical Organisation (IMO) yang diasaskan di Kuwait pada tahun 70-an. IMO mengurus sebuah hospital yang melayani pesakit dengan menggunakan dasar perubatan Islam dan melakukan eksperimen terhadap penggunaan perubatan Nabi di bawah pemantauan makmal. Eksperimen ini memberi tumpuan kepada simptom-simptom yang kabur dalam mengenalpasti punca penyakit dan rawatannya seperti kegagalan buah pinggang dan ekzema.

Metode Penulisan Ilmuwan Islam Selepas Ashab Al-Sunan

Terdapat pelbagai kaedah penulisan yang bergantung kepada kepakaran dan kecenderungan pengarangnya. Sebilangan kaedah penulisan lebih berbentuk koleksi hadis-hadis berkenaan perubatan yang dipilih oleh pengarang dan sebilangan lain pula disertai dengan ulasan danuraian menurut konsep perubatan Greek, India, dan sebagainya.

Al-Hāfiẓ Abū Na’im al-Asbahāni dalam bukunya al-Tibb al-Nabawi

Al-Hāfiẓ Abū Na’im al-Asbahāni (m. 430 H/1038 M) dalam bukunya *al-Tibb al-Nabawi* (2006) membahaskan tentang perubatan Nabi dalam tujuh makalah, iaitu: (1) Keutamaan pengetahuan dan kelebihan profesion perubatan, (2) Mengenal struktur badan dan pengurusan kesihatan, (3) Jenis-jenis penyakit dan kaedah rawatan setiap penyakit termasuk penyakit jiwa seperti sedih (*al-huzn*) dan bimbang (*al-hamm*), (4) Mengenal herba-herba dan manfaatnya, (5) Penjagaan pesakit secara pencegahan serta mengenal sukan diet dan ubatan, (6) Penjagaan kesihatan badan dengan perkara-perkara yang bersesuaian, dan (7) Rawatan menggunakan jampi, tangkal, dan sihir.

Al-Asbahāni adalah antara penulis terawal menghimpun sejumlah hadis mengenai perubatan yang disandarkan kepada Nabi s.a.w dan para sahabat secara tersusun dan dibahagikan mengikut bab-bab tertentu. Kesemua hadis yang terdapat di dalamnya adalah riwayat pengarang sendiri daripada guru-gurunya. Metode penulisan pengarang adalah lebih kepada menghimpun hadis-hadis berkaitan perubatan Nabi beserta sanadnya. Pendekatan sebegini membuka ruang kepada ulama hadis untuk menentukan kesahihan sesuatu hadis dan memberi peluang kepada ahli perubatan untuk menghurainya dalam konteks perubatan. Buku ini membincangkan perubatan Nabi secara pemakanan herba, pencegahan, penjagaan kesihatan sementara perbincangannya tentang rawatan kejiwaan adalah agak ringkas.

7 Dalam bahasa Inggeris, istilah Prophetic medicine adalah merujuk kepada karya yang dihimpun oleh para agamawan yang terlibat dalam amalan perubatan tradisional pada zaman Nabi Muhammad s.a.w (treatises compiled by clerics engaged in traditional medical practices during the time of the Prophet Mohammed). Bidang kajian ini adalah lanjutan daripada sekolah perubatan Jundishapur di Parsi yang memberikan peluang kepada ilmuwan Islam dan bukan Islam mempelajari perubatan Greek dan India (Ayurveda). Oleh itu, kemunculan ilmu perubatan Nabi dikategorikan dalam perubatan era Greek-Arab. Lihat Subbarayappa B. V., 2001, The root of ancient medicine: an historical outline, Journal of Bioscience, Vol. 26, No. 2, June 2001, hlm. 137, Bangalore: Indian Academy of Sciences.

'Abd al-Latif al-Baghda'di dalam bukunya *al-Arba'in al-Mustakhrayah min Sunan Ibn Mājah wa Sharhiha*

'Abd al-Latif al-Baghda'di (m 629 H/1231 M) turut menulis tentang perubatan Nabi dalam bukunya *al-Arba'in al-Mustakhrayah min Sunan Ibn Mājah wa Sharhiha*. Pada peringkat awalnya, kitab ini merupakan himpunan tulisan pelajar al-Baghda'di yang bernama Muhammad bin Yūsuf al-Birzāli (m. 636 H/1239 M) ketika mempelajari kitab *Sunan Ibn Mājah*. Idea penulisannya sebagai kitab khusus tentang perubatan Nabi tercetus hasil daripada ulasan dan huraian al-Baghda'di ke atas 40 buah hadis mengenai perubatan yang terdapat dalam *Sunan Ibn Mājah* yang kemudiannya dihimpun oleh al-Birzāli dalam sebuah kitab yang dinamai *al-Arba'in al-Mustakhrayah min Sunan Ibn Mājah wa Sharhiha*.

Al-Baghda'di membincangkan 40 hadis terpilih tentang perubatan dengan 36 hadis yang awal adalah mengenai perubatan kemanusiaan (*al-tibb al-bashari*) antaranya penjagaan kesihatan, perubatan pencegahan, rawatan, pantang (*al-himyah*), praktis profesion perubatan, kesihatan jiwa (hadis ke-23 dan hadis ke-25). Manakala hadis ke-37 adalah mengenai perubatan binatang ternakan dan tiga hadis terakhirnya pula berkisar tentang cara-cara menghindari kefakiran yang membawa kepada penyakit fizikal atau penyakit jiwa. Kitab ini dianggap rujukan utama kepada beberapa kitab perubatan Nabi yang terkemudian antaranya kitab *al-Ahkām al-Nabawiyah fi al-Sinā'ah al-Tibbiyyah* oleh Ibn Ṭarkhān, kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan al-Dhahabi, dan tidak terkecuali kitab *al-Tibb al-Nabawi* karya Ibn Qayyim.

Ibn Ṭarkhān 'Alā' al-Din al-Kahhāl (m. 720 H/1320 M) dalam bukunya *al-Ahkām al-Nabawiyah fi al-Sinā'ah al-Tibbiyyah*

Ibn Ṭarkhān 'Alā' al-Din al-Kahhāl (1955) yang meninggal dunia sekitar tahun 720 H/1320 M turut membahaskan perubatan Nabi dalam bukunya *al-Ahkām al-Nabawiyah fi al-Sinā'ah al-Tibbiyyah*. Perbincangan Ibn Ṭarkhān dilakukan menerusi 10 bab, iaitu: (1) Hadis-hadis tentang penyakit dan rawatannya, suruhan berubat, pengamal perubatan yang tidak mengetahui ilmu perubatan, dan lain-lain, (2) Hadis-hadis tentang penjagaan kesihatan dari aspek makanan, minuman, tidur, dan lain-lain, (3) Asal-usul perubatan, pengasasnya, adakah ia wahyu atau pengalaman atau pengolahan (*qiyas*), kelebihan perubatan, keselariannya dengan akal, syarak, dan kepastian maut, (4) Kesihatan dan kelebihannya serta hadis-hadis tentangnya, (5) Penyakit, kelebihannya, dan hadis-hadis tentangnya serta sedikit huraian berkenaan dengan jampi, (6) Kelebihan menziarahi pesakit dan hadis-hadis tentangnya, (7) Empat puluh hadis perubatan tentang empat puluh persoalan dalam perubatan, (8) Perbahasan tentang kelebihan berubat atau meninggalkannya, (9) Pantang-larang (*al-himyah*) dan hadis-hadis tentangnya, dan (10) Dos campuran ubatan, manfaatnya, dan hadis-hadis tentang perubatan.

Ibn Ṭarkhān menghimpun hadis-hadis dari sumber rujukannya yang banyak dan muktabar di samping menghuraikannya berdasarkan perkembangan ilmu perubatan yang terdapat pada zamannya. Namun, antara kekurangan kitab ini ialah ia tidak terlepas daripada menggunakan beberapa hadis yang bertaraf lemah (*da'iñ*). Justifikasi kepada kekurangan kitab ini ialah pengarang lebih mendalami bidang perubatan dan kesusteraan berbanding ilmu hadis yang mengandungi beberapa cabang termasuk *mustalah al-hadith* (pengelasan hadis), *ilm al-rijāl* (ilmu perawi hadis), dan *al-jarb wa al-ta'dil* (kritikan dan sokongan) untuk membolehkan pengarang menyaring hadis-hadis daif daripada hadis-hadis yang sahih. Selain itu, penyelidik mendapati perbincangan pengarang ada ketikanya boleh disifatkan sebagai

terkeluar daripada skop perubatan Nabi atau lebih bersifat perbincangan khusus dalam disiplin ilmu perubatan. Hal ini demikian kerana pengarang membahaskan rawatan penyakit tertentu tanpa menyatakan walau satu hadis dalam bab tersebut.

Al-Dhahabi (m. 748 H/1347 M) pengarang kitab yang berjudul al-Tibb al-Nabawi

Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthmān bin Qaymāz (m. 748 H/1347 M), seorang perawi hadis dan sejarawan turut mengarang kitab yang berjudul *al-Tibb al-Nabawi*. Hasil penelitian penyelidik mendapati isi kandungan kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan al-Dhahabi begitu menyerupai kitab *al-Tibb al-Nabawi* karya ‘Abd al-Latif al-Baghdādi melainkan satu fasal tambahan mengenai alunan suara (*al-samā’*) yang hanya terdapat dalam naskhah karya al-Dhahabi. Hasil dapatan kajian ‘Abd al-Mun‘im Ibrāhīm (1996: 21) yang menyunting dan mentahkik kitab *al-Tibb al-Nabawi* karya al-Dhahabi mendorong beliau untuk mempertahankan keaslian kitab tersebut sebagai hasil tulisan al-Dhahabi dengan berdasarkan beberapa hujah⁸ antaranya:

- (1) Terdapat empat naskhah manuskrip tulisan tangan di Dār al-Makhtūtāt al-Misriyyah (nombor manuskrip: 7967, 31103, 2009, 20255) yang kesemuanya dinisbahkan kepada al-Dhahabi. Terdapat satu lagi naskhah manuskrip di Dār al-Makhtūtāt al-Zāhiriyah (nombor manuskrip: 4590) yang juga dinisbahkan kepada al-Dhahabi.
- (2) Kesemua penyalin manuskrip menyebut nama al-Dhahabi di awal dan akhir manuskrip sebagai pengarang kitab tersebut.
- (3) Terdapat beberapa keterangan dalam teks manuskrip yang menukilkan kata-kata Imam al-Nawawi (m. 676 H). Justeru, bagaimana mungkin al-Baghdādi yang meninggal dunia pada 629 H dapat memetik kata-kata al-Nawawi yang dilahirkan dua tahun kemudiannya, iaitu pada 631 H?

Penyelidik menyimpulkan bahawa kedua-dua pengarang, iaitu ‘Abd al-Latif al-Baghdādi dan al-Dhahabi telah mengarang kitab berkenaan perubatan Nabi. ‘Abd al-Latif al-Baghdādi memberi izin kepada muridnya yang bernama Muhammad bin Yūsuf al-Birzālī (m. 636 H/1239 M) untuk menulis kitab *al-Arba‘in al-Mustakhrājah min Sunan Ibn Mājah wa Sharhibā*. Kitab tersebut kemudiannya dirujuk dalam kebanyakan keadaan oleh al-Dhahabi ketika menulis kitabnya *al-Tibb al-Nabawi* hingga membawa kepada persamaan yang amat ketara antara kedua-dua karya tersebut.

Ibn Qayyim (m. 751 H/1350 M) dalam Zād al-Ma‘ād fi Hady Khayr al-‘Ibād

Ibn Qayyim (m. 751 H/1350 M) telah menghimpun hadis-hadis tentang perubatan Nabi dalam satu juzuk khusus daripada kitabnya yang berjudul *Zād al-Ma‘ād fi Hady Khayr al-‘Ibād* atau ringkasnya disebut *Zād al-Ma‘ād*. Kitab *al-Tibb al-Nabawi* adalah sebahagian daripada kitab *Zād al-Ma‘ād* yang merupakan kitab himpunan sunnah dan perlakuan Nabi s.a.w dalam segenap aspek kehidupan baginda seperti nasab keturunannya, perutusannya sebagai nabi dan rasul, keperibadiannya, perilakunya dalam ibadat solat, puasa, zakat, haji, dan termasuklah petunjuk Nabi s.a.w dalam hal perubatan. Hal ini diperkuuhkan dengan kenyataan Ibn Qayyim dalam *Zād al-Ma‘ād* (1994: 4/5) dalam mukaddimah bahagian tersebut, iaitu;

⁸ Lihat juga perbahasan mendalam Irmeli Perho tentang penisahan buku tersebut kepada al-Dhahabi dalam tesis kedoktorannya, *The Prophet's Medicine: A Creation of the Muslim Traditionalist Scholars* yang kemudiannya diterbitkan dalam jurnal *Studia Orientalia*, Helsinki, 1995, hlm. 36-40.

وَقَدْ أَتَيْنَا عَلَى جُمِلٍ مِّنْ هَذِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَعَازِي وَالسَّيِّرِ وَالْبُعْوَثِ وَالسَّرَّاِيَا،
وَالرَّسَائِلِ، وَالْكُتُبِ الَّتِي كَتَبَ بِهَا إِلَى الْمُلُوكِ وَنُوَّاِبِهِمْ. وَنَحْنُ نُتْبِعُ ذَلِكَ بِذِكْرِ فُصُولِ نَافِعَةٍ فِي
هَذِهِ فِي الطِّبِّ الَّذِي تَطَبَّبُ بِهِ، وَوَصَفَةٌ لِغَيْرِهِ، ...

Terjemahan: "Kami telah datangkan kenyataan daripada petunjuk baginda SAW dalam siri-siri peperangan, perutusan wakil, pasukan tentera dan surat-surat kepada raja-raja dan para penguasa mereka. Dan sekarang kami sertakan tajuk-tajuk tersebut dengan menyebutkan beberapa fasal yang bermanfaat pada menerangkan petunjuk Nabi s.a.w dalam perubatan dan apa yang dijelaskannya kepada orang lain."

Mengikut al-Nasimi (1987: 89), kitab *Zād al-Ma‘ād* mula dicetak secara berasingan dalam satu juzuk khusus dengan judul *al-Tibb al-Nabawi* oleh seorang sejarawan Halab, Syria yang bernama Muhammad Rāghib al-Tabbākh (m. 1951 M) dan kemudiannya dicetak di Kaherah pada tahun 1957. Justeru, pada peringkat awal kitab ini lebih dikenali sebagai sebahagian daripada kitab *Zād al-Ma‘ād* tetapi kemudiannya mula dikenali dengan judul *al-Tibb al-Nabawi*. Hal ini berdasarkan kajian Abu Zayd (1980: 169) yang mendapati penggunaan istilah kitab *al-Tibb al-Nabawi* yang dinisbahkan kepada Ibn Qayyim mula dikesan seawal tahun 788 H/1386 M, iaitu sekitar 37 tahun selepas kematian Ibn Qayyim. Dari sudut sejarahnya, penggunaan nama kitab *al-Tibb al-Nabawi* telah bermula sejak awal abad ketiga Hijri berdasarkan karya al-Imam Abū al-Hasan ‘Ali bin al-Ridā (203 H/818 M) yang berjudul *Al-Risālah al-Dhahabiyah fi Tibb al-Nabi* atau dikenali sebagai *Risālah Mushtamilah ‘alā al-Tibb al-Nabawi*.

Merujuk kepada pengenalan yang dikemukakan oleh Penelope Johnstone (1998, hlm. xxvii-xxviii) dalam terjemahan⁹ kepada kitab *al-Tibb al-Nabawi* yang berjudul *Medicine of the Prophet*, penyelidik mengenalpasti bahawa terdapat dua edisi lain.¹⁰ Pertama, hasil suntingan ‘Abd al-Mu‘ti Amin Qal‘aji, cetakan Dār al-Turāth, Kaherah, tahun 1398/1978. Kedua, cetakan al-Matba‘ah al-‘Ilmiyyah, Halab, tahun 1346/1927. Penelope menukilkhan perakuan Abd al-Mu‘ti Amin Qal‘aji, editor cetakan Kaherah bahawa beliau sendiri bergantung kepada beberapa manuskrip Dār al-Kutub al-Misriyyah, Kaherah yang terdiri daripada Tibb 1627, ditulis pada tahun 1163 H (sumber utama), Tibb Taymur 439, ditulis pada tahun 1191 H, al-Zahiyya 552, ditulis pada tahun 1070 H, dan Tibb Tal‘at 503, ditulis pada tahun 1084 H. Manuskrip-manuskrip lain yang turut dikenalpasti ialah oleh Ullmann, *Medizin (Die Medizin in Islam)* 187: Chester Beatty 3292, 11; Brockelmann, GAL (*Geschichte der Arabischen Litteratur*) II 106 n. 19: Paris 3045, Uppsala 348. Supp. II 127 n. 20 (ditandakan oleh Brockelmann sebagai cetakan Halab).

Metode penulisan Ibn Qayyim ialah mendasarkan ilmu perubatan kepada nas yang kebanyakannya daripada sumber hadis Nabi s.a.w yang kemudiannya diulas dan dibahas dengan menggunakan pendekatan pelbagai disiplin ilmu yang terdiri daripada ilmu hadis, ilmu bahasa, dan ilmu perubatan khasnya ilmu perubatan Yunani. Ibn Qayyim

9 Kewajaran usaha terjemahan kitab ini yang agak lewat, iaitu hanya mula diterbitkan (terjemahan Penelope Johnstone) pada tahun 1998 telah diperjelaskan oleh Sheldon Watts (2003: 53) yang mengatakan bahawa ia berkemungkinan disebabkan oleh pendekatannya yang tidak menepati persepsi Barat yang bersifat stereotaip terhadap orang Islam.

10 Edisi kitab *al-Tibb al-Nabawi* yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah hasil suntingan Shu‘ayb dan ‘Abd al-Qādir al-Arnā‘ut, cetakan Mu‘assasat al-Risālah dan Maktabat al-Manār al-Islāmiyyah, Beirut, pada tahun 1412/1991, cetakan ke-17. Kitab ini adalah edisi yang diterbitkan sebagai satu juzuk daripada kitab *Zād al-Ma‘ād* yang diulang cetak oleh penerbit dan penyunting yang sama pada tahun 1414/1994, cetakan ke-27.

membahagikan ilmu perubatan Nabi kepada dua, iaitu perubatan hati (*tibb al-qulūb*) dan perubatan fizikal (*tibb al-abdān*) berdasarkan pembahagian penyakit kepada penyakit hati (*marad al-qulūb*) dan penyakit badan (*marad al-abdān*).

Imam al-Suyūtī¹¹ (m. 911 H/1505 M) dalam kitabnya *al-Manhaj al-Sawi wa'l-Manhal al-'Azb al-Rawī fi al-Tibb al-Nabawi*

Imam al-Suyūtī¹² (1986) yang meninggal dunia pada 911 H/1505 M telah menulis tentang perubatan Nabi dalam kitabnya *al-Manhaj al-Sawi wa'l-Manhal al-'Azb al-Rawī fi al-Tibb al-Nabawi*. Al-Suyūtī memulakan perbahasannya dengan mengemukakan himpunan hadis-hadis yang berkaitan dengan sesuatu penyakit dan diikuti oleh nukilan-nukilan daripada para doktor tentang kaedah rawatan sesuatu penyakit. Ini bermakna pendekatan penulisan al-Suyūtī dalam membincangkan tentang perubatan Nabi adalah menyerupai pendekatan penulisan Ibn Qayyim yang telah mendahuluinya sejak 160 tahun.

Kesimpulan

Kecenderungan kajian dan penulisan terdahulu dalam bidang ilmu perubatan Nabi adalah tertumpu kepada aspek menghimpunkan hadis-hadis yang berkaitan dengan perubatan dalam satu penulisan khusus sama ada di bawah judul *Kitab al-Tibb* yang merupakan komponen daripada kompilasi hadis-hadis Nabi SAW. Usaha gigih muhaddithin termasuk daripada Ashab al-Sunan adalah menggunakan pendekatan yang bersesuaian mengikut keperluan dan situasi semasa zaman yang dilalui.

Fasa seterusnya melibatkan pendekatan penulisan yang dilakukan secara lebih sistematis dan tertumpu kepada penulisan koleksi hadis yang berkaitan dengan perubatan yang dikenali sebagai *al-Tibb Nabawiyy*. Usaha ini dipelopori oleh ilmuwan Islam khasnya mereka yang mengkaji dan menghurai teks hadis-hadis yang berkaitan dengan perubatan dan dikupas dengan lebih lanjut menggunakan kemajuan ilmu perubatan yang wujud pada zaman mereka.

Rujukan

Al-Quran.

Al-Baghdādi, Muwaffaq al-Din 'Abd al-Latif. (1988). *al-Tibb min al-Kitāb wa al-Sunnah*. ed. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji. Beirut: Dār al-Ma'rifah.

_____. (1990). *al-Tibb al-Nabawi*. ed. Yusuf 'Ali Badyuwi. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

11 Nama penuhnya ialah Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abi Bakr bin Muhammad bin Sābiq al-Dīn al-Khudayri al-Suyuti. Dilahirkan pada tahun 849/1445 dan meninggal dunia pada tahun 911/1505. Beliau diberi gelaran Ibn al-Kutub kerana memiliki koleksi buku dalam pelbagai bidang ilmu. Berbangsa Mesir, penulis yang prolifik khasnya dalam bidang teologi, dan mendapat tempat yang tinggi dalam mazhab fikah Shafī'i dengan kedudukan sebagai Ashāb al-Nazzār, iaitu golongan yang ijtihadnya diterima dan diberikan perhatian dalam mazhab. Lihat Dhanani, Alnoor (2007), "Suyūtī: Abū al-Faḍl 'Abd al-Rahmān Jalāl al-Dīn al-Suyūtī", dalam Thomas Hockey et al. The Biographical Encyclopedia of Astronomers. New York: Springer. hlm. 1112–3.

12 Nama penuhnya ialah Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abi Bakr bin Muhammad bin Sābiq al-Dīn al-Khudayri al-Suyuti. Dilahirkan pada tahun 849/1445 dan meninggal dunia pada tahun 911/1505. Beliau diberi gelaran Ibn al-Kutub kerana memiliki koleksi buku dalam pelbagai bidang ilmu. Berbangsa Mesir, penulis yang prolifik khasnya dalam bidang teologi, dan mendapat tempat yang tinggi dalam mazhab fikah Shafī'i dengan kedudukan sebagai Ashāb al-Nazzār, iaitu golongan yang ijtihadnya diterima dan diberikan perhatian dalam mazhab. Lihat Dhanani, Alnoor (2007), "Suyūtī: Abū al-Faḍl 'Abd al-Rahmān Jalāl al-Dīn al-Suyūtī", dalam Thomas Hockey et al. The Biographical Encyclopedia of Astronomers. New York: Springer. hlm. 1112–3.

- Abu Zayd, Bakr bin ‘Abd Allah. (1980). *Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Hayātuhu wa Āthāruhu*. Riyadh: Matābi‘ Dār al-Hilāl.
- Early, Evelyn A, Januari 2004, Medicine and public health: an improving field based on a combination of traditional and modern practices, [electronic version], *Encyclopaedia of the Modern Middle East and North Africa*, Michigan: The Gale Group.
- Al-Asbahāni, Abu Na‘im Ahmad bin ‘Abd Allah bin Ahmad bin Ishāq. (2006). *Mawsu‘at al-Tibb al-Nabawi*. ed. Mustafā Khudar Dunmaz al-Turki. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Al-Baghdādi, ‘Abd al-Latīf. 1988. *al-Tibb min al-Kitāb wa al-Sunnah*, ed. ‘Abd al-Mu‘ti Amin Qal‘aji, Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthmān bin Qāymāz. (1996). *al-Tibb al-Nabawi*. Riyadh: Maktabat Nizār Mustafā al-Bāz,
- Al-Nasimi, Mahmud Nāzim. (1987). *al-Tibb al-Nabawi wa’l-Ilm al-Hadith*. Cet. ke-2. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.
- Al-Suyuti, Jalāl al-Din bin ‘Abd al-Rahmān. (1986). *al-Manhaj al-Sawi wa’l-Manhal al-‘Azb al-Rawi fi al-Tibb al-Nabawi*. ed. Hasan Muhammad Maqbul al-Ahdal. Sana'a: Maktabat al-Jayl al-Jadid & Beirut: Mu’assasat al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Browne, E. G. 1983. *Arabian Medicine*. Westport. Connecticut: Hyperion Press Inc.
- Dhanani, Alnoor (2007), "Suyūtī: Abū al-Fadl ‘Abd al-Rahmān Jalāl al-Dīn al-Suyūtī", dalam Thomas Hockey et al. *The Biographical Encyclopedia of Astronomers*. New York: Springer. hlm. 1112–3.
- Ibn Abi Usaybi‘ah, Muwaffaq al-Din Abū al-Abbās Ahmad bin al-Qāsim bin Khalifah bin Yunus al-Sādi al-Khazraji. t.th. *‘Uyun al-Anba’ fi Tabaqat al-Atibba’*. ed. Nizār Ridā. Beirut: Dār Maktabat al-Hayāh.
- Ibn Tarkhān, Abu al-Hasan ‘Ali bin ‘Abd al-Karim bin Tarkhān al-Hamawi ‘Alā’ al-Din al-Kahhāl. (1955). *al-Ahkām al-Nabawiyah fi al-Sinā‘ah al-Tibbiyyah*. ed. ‘Abd al-Salām Hāshim Hāfiẓ. Mesir: Maktabat wa Matba‘at Mustafā al-Bābi al-Halabi wa Awlādihi.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr al-Zur‘i al-Dimashqi. (1994). *Zād al-Ma‘ād fi Hady Khayr al-Ibād*. Cet. ke-17. Suntingan Shu‘aib dan ‘Abd al-Qādir al-Arnā’ut. Beirut: Mu’assasat al-Risālah & Maktabat al-Manār al-Islāmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr al-Zur‘i al-Dimashqi. (1998). *Medicine of the Prophet*. terj. Johnstone, Penelope. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Nurdeen Deuraseh, The book of medicine (kitāb al-tibb) in the al-Bukhari: a preliminary study, *Hamdard Islamicus*, vol. XXXI, no. 3, July-September 2008, hlm. 19-33;
- Nurdeen Deuraseh, al-Ruqyah with the Qur'an and the du'a (the prayer) in Islamic medical tradition, *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine* (JISHIM), vol. 4, no. 7, April 2005, hlm. 1-8.
- Nurdeng Deuraseh. 2009. *Preservation of Health in Islamic Law*. IIUM Press: International Islamic University Malaysia.
- Subbarayappa B. V. 2001. The root of ancient medicine: an historical outline, *Journal of Bioscience*, Vol. 26, No. 2, June 2001, hlm. 137. Bangalore: Indian Academy of Sciences.
- Tafsir Pimpinan al Rahman*, 1995, Cet. ke-6, terbitan Bahagian Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.